

TARIKH	27 / 6 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	31	RUANGAN	Setempat

## Tabung Haji serah zakat RM4.2j

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (TH) menyerahkan zakat perniagaan sebanyak RM4,274,611.38 kepada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) sebagai sebahagian perolehan keuntungan pendapatan dicatatkan pada tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, TH mencatat keuntungan besar melebihi RM2 bilion tahun lalu dan ia turut membantu menambah jumlah pembayaran zakat dibuat setiap tahun.

"Jumlah itu belum dicampur dengan negeri-negeri

berdasarkan jumlah pendeposit masing-masing. Kutipan zakat di Wilayah Persekutuan pada tahun ini sehingga 30 Jun sebanyak RM171 juta berbanding RM150 juta dalam tempoh sama tahun sebelumnya iaitu kenaikan 15 peratus," katanya, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Paduka Ismee Ismail dan Pengerusi PPZ Datuk Mustafa Abdul Rahman.

Menurutnya, peningkatan kutipan zakat menunjukkan

perkembangan memberangsangkan dan dijangka pertambahan RM100 juta sehingga hujung tahun ini.

"Ini menggambarkan kekuatan ekonomi umat Islam semakin berkembang dan keyakinan masyarakat dalam usaha mengagihkan zakat kepada kelompok atau asnaf," katanya.

Ismee pula berkata, peningkatan pembayaran zakat berdasarkan dua faktor iaitu keuntungan dan jumlah dana disimpan pendeposit di seluruh negara yang semakin meningkat.



JAMIL Khir (tengah) menyaksikan penyerahan zakat TH oleh Ismee (kiri) kepada Mustafa.